MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2020

Tarikh : 17 November 2020 (Selasa)
Masa : 2.30 – 4.30 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Mutiara
Aras 6, Blok Menara 4G2
Wisma Tani, Putrajaya

KEHADIRAN WAKIL PENGURUSAN:

1. Encik Ahmad Tarmidzi bin Ramly - Pengerusi
   Ketua Pengarah Perikanan Malaysia

2. Puan Norisma binti Mohd Ismail
   Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

3. Encik Mohd Mohtar bin Mahamud
   Pengarah Bahagian Pembangunan Latihan
   Dan Kemajuan Kerjaya

4 Puan Nur Ilyani binti Md Aris - Pencatat Minit
   Bahagian Khidmat Pengurusan

5. Puan Rosmiati binti Ahmad
   Bahagian Khidmat Pengurusan

6. Puan Azahanim binti Abdul Rafie
   Bahagian Khidmat Pengurusan

7. Puan Safura binti Shaaruddin
   Bahagian Khidmat Pengurusan

8. Puan Nur Amira Yasmin binti Mohd Yusoff
   Bahagian Khidmat Pengurusan

9. Encik Ahmad Nazri bin Hamzah
   Bahagian Khidmat Pengurusan

10. Puan Arbaiah binti Ujud
    Bahagian Khidmat Pengurusan

11. Puan Faradila Laili binti Jun
    Bahagian Khidmat Pengurusan

KEHADIRAN (WAKIL PEKERJA):

1. Encik Mohamed Ridzuan bin Mohamed Alias
   Bahagian Taman Laut dan Pengurusan Sumber
   Naib Pengerusi MBJ

2. Encik Syed Yusuf bin Wan Drahman
   Bahagian Perancangan dan Pembangunan
   Setiausaha Bersama (G41)

3. Puan Norhabina binti Abd Aris
   Bahagian Pengembangan Perikanan
   Wakil Pekerja (Penolong Pegawai Perikanan Gred G32)

4. Puan Faizah Nor binti Mohamed
   Bahagian Biosekuriti
   Wakil Pekerja (Penolong Pegawai Perikanan Gred G29)

5. Puan Nurul Hanisah binti Mahmud
   Bahagian Khidmat Pengurusan
   Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19/W22/W26)

6. Encik Muhammad Azri bin Sabaruddin
   Bahagian Biosekuriti
   Wakil Pekerja (Pembantu Tadbir (Perkeranian /Operasi) Gred N19/N22/N26)

7. Encik Mohd Fazerul bin Noor Hashim
   Bahagian Perlindungan Sumber
   Wakil Pekerja (Operator Wayarles Gred N19/ N22/N26)

8. Encik Hamidon bin Ahmad
   Bahagian Pengembangan Dan Pemindahan Teknologi
   Wakil Pekerja (Penolong Pegawai Perikanan Gred G36)

9. Puan Siti Sutina binti Omar
   PBKLIA
   Wakil Pekerja (Skim Perkhidmatan Sains – C)

10. Encik Mohd Yusof bin Yunus
    Bahagian Kejuruteraan
    Wakil Pekerja (Penolong Jurutera Gred J26/JA29/JA36/JA38)

11. Encik Mohd Faridzuan bin Mohd Pauzhi
    Bahagian Pengurusan Maklumat
    Wakil Pekerja (Juruteknik Komputer/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat / Pegawai Pegawai Teknologi Maklumat Gred FT19/FT22/F38/F41/F44/F48)

12. Puan Yuniza binti Baharom
    Bahagian Khidmat Pengurusan
    Wakil Pekerja (Setiausaha Gred N19 / N22 / N29 / N28 / N32 / N36)

13. Encik Mohamad Alif Iqbal bin Abdul Hisham
Unit Komunikasi Korporat
Wakil Pekerja (Pembantu Perikanan Gred G19)

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

14. Encik Nordiskandar bin Nor Tajudin
Bahagian Kejuruteraan
Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Gred G41/G44 Kejuruteraan)

15. Puan Almina binti Espin
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
Wakil Pekerja (Pembantu Perikanan Gred G19)

16. Hj. Mohd Ali bin Sulaiman
Pejabat Ketua Pengarah Perikanan
Wakil Pekerja (Pembantu Operasi Gred N11 / N14)

17. Encik Saari bin Sulaiman
Bahagian Biosekuriti Perikanan
Wakil Pekerja (Pemandu Kenderaan Gred H11/H14)

18. Encik Yusri bin Ismail
Kader MOA
Wakil Pekerja (Pegawai Perikanan Kader Gred G44)

19. Khaitrul Ediana binti Mohd Tahir
PBKLIA
Wakil Pekerja (Skim Penyelidikan – Q)

1. UCAPAN ALUAN PENGERUSI MBJ

i. YBrs. Tuan Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir secara fizikal dan juga secara maya melalui aplikasi *skype meeting*;

ii. Dimaklumkan bahawa bagi tahun 2020 Mesyuarat MBJ akan dilaksanakan sebanyak tiga kali sahaja berbanding empat kali setahun pada tahun-tahun sebelumnya berikutan penularan Covid-19, dan mesyuarat kali ini merupakan yang terakhir bagi tahun 2020.

iii. YBrs. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa komunikasi berkesan adalah punca bagi keharmonian organisasi dan memaklumkan kepada ahli mesyuarat bahawa beliau sentiasa mengalukan sekiranya wakil pihak pekerja ingin berjumpa secara berdepan bagi membincangkan kebajikan kakitangan Jabatan.

Tindakan: Makluman

2. UCAPAN ALUAN NAIB PENGERUSI MBJ

i. Naib Pengerusi MBJ, Encik Mohamed Ridzuan bin Mohamed Alias mengucapkan salam kepada ahli mesyuarat yang hadir; dan mengucapkan tahniah kepada YBrs. Tuan Pengerusi Encik Ahmad Tarmidzi bin Ramly atas pelantikan beliau sebagai Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

ii. Beliau memaklumkan bahawa MBJ pihak pekerja menyambut baik saranan Pengerusi mengamalkan *open door policy* bagi membincangkan kebajikan kakitangan di Jabatan.

Tindakan: Makluman

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 2 TAHUN 2020

i. Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 2 Tahun 2020 diusul untuk disahkan tanpa pindaan oleh urusetia Puan Safura binti Shaaruddin dan disokong oleh Encik Mohamed Ridzuan bin Mohamed Alias dan Puan Yuniza binti Baharom.

Tindakan: Makluman

4. PERKARA – PERKARA BERBANGKIT

4.1 *Blue Print* Laluan Kerjaya

i. PLKK memaklumkan telah mengadakan perbincangan bersama Institut Aminuddin Baki (IAB) pada 6 Julai 2020 serta 26-28 Ogos 2020 bagi menggubal pelan kerjaya Jabatan. Walau bagaimanapun, sesi *workshop* / bengkel yang dijangka pada September hingga Oktober tahun ini telah tergendala akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Tindakan: Makluman

ii. Pengarah PLKK memaklumkan akan berusaha untuk melaksanakan bengkel secara di atas talian tetapi merasakan bahawa pendekatan ini akan kurang berkesan kerana memerlukan analisa maklumat yang sukar dilaksanakan secara atas talian.

Tindakan: PLKK

iii. YBrs. Tuan Pengerusi memaklumkan di dalam suasana keadaan PKP kebanyakan Mesyuarat Kerajaan di peringkat tertinggi dan juga antarabangsa telah berjaya dilaksanakan secara atas talian dan Jabatan perlu menyesuaikan diri dengan norma baharu ini. Jabatan perlu memastikan keperluan peralatan serta kelengkapan IT dipenuhi bagi mencapai matlamat ini.

Tindakan: Makluman

iv. YBrs. Tuan Pengerusi mencadangkan penubuhan jawatan kuasa kerja kecil terdahulu bagi membincangkan keperluan laluan kerjaya bagi kakitangan di Jabatan.

Tindakan: PLKK

4.2 Kertas Kerja Naik Taraf Pembantu Perikanan Gred G19 / G26 / G28 ke Gred G29 secara Tukar Lantik

i. Pihak PLKK memaklumkan bahawa sesi *engagement* bersama MOA, JPA dan MTSU masih belum dilaksanakan berikutan kekangan PKP;

Tindakan: Makluman

ii. BKP memaklumkan berdasarkan Mesyuarat Penyelarasan Peruntukan Masuk DKM / DLKM ke skim Penolong Pegawai Perikanan Gred G29 bertarikh 19.08.2020 yang dipengerusi oleh YM Raja Bidin bin Raja Hassan (Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan), telah dipersetujui bahawa kelayakan SKM dan DKM tidak digunapakai bagi syarat kelayakan masuk ke Gred G29, sebaliknya kelayakan Sijil Perikanan diutamakan untuk dimasukkan sebagai syarat kelayakan ke Gred Lantikan G29.

Tindakan: Makluman

iii. PLKK mencadangkan bahawa Jabatan perlu menetapkan peratusan calon yang ingin diambil sebagai Lantikan Baharu menggunakan syarat kelayakan Sijil Perikanan untuk dipanjangkan ke pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA);

Tindakan: PLKK

iv. BKP memaklumkan bahawa Kertas Kerja Naik Taraf Pembantu Perikanan Gred G19 / G26 / G28 ke Gred G29 tidak berjaya dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan AM (MBK Am) yang dijadualkan pada Ogos 2020 kerana pihak MBK Am telah memohon pihak MTSU dan Jabatan Perikanan Malaysia untuk memperhalusi kertas kerja dengan kerjasama Kementerian dan pihak JPA.

Tindakan: PLKK dan BKP

v. Dimaklumkan juga bahawa kertas kerja yang ingin dibawa ke MBK Am turut memohon untuk penjumudan Gred G19. Walau bagaimanapun, kajian oleh pihak BKP mendapati bahawa lapisan Gred G19 masih diperlukan terutamanya di peringkat negeri.

Tindakan: Makluman

vi. YBrs. Tuan Pengerusi memohon satu *task force* yang diketuai oleh En Mohamed Ridzuan bin Mohamed Alias dengan penyelarasan dari pihak BKP dan PLKK untuk melaksanakan sesi *engagement* bersama Kementerian dan JPA bagi mendapatkan maklumat dan keperluan daripada pegawai dari gred yang berkenaan. Beliau memohon *task force* untuk membentangkan hasil *engagement* pada Mesyuarat MBJ Bil 1/2021.

Tindakan : PLKK, BKP dan Wakil Pekerja

4.3 Hari Bersama Cawangan Kewangan

i. Cawangan Kewangan memaklumkan bahawa Hari Bersama Cawangan Kewangan dicadangkan untuk berlangsung pada tahun hadapan bagi memberi keterangan berkenaan urusan tuntutan dan perihal kewangan yang lain;

Tindakan: Makluman

ii. YBrs. Tuan Pengerusi mencadangkan sekiranya masih terdapat kekangan PKP untuk berkumpul, maka dimohon Cawangan Kewangan untuk mengeluarkan satu kenyataan *Frequently Asked Questions* (FAQ) berkenaan tatacara kewangan di dalam bentuk video / grafik atau apa-apa medium yang bersesuaian untuk mudah dirujuk oleh seluruh kakitangan Jabatan.

Tindakan: BKP (Cawangan Kewangan)

4.4 Kursus Peningkatan Kemahiran Kakitangan DOF

i. BKP memohon kerjasama pihak PLKK untuk membantu mencari, menyelaras, atau berunding dengan pihak yang terlibat untuk membenarkan kakitangan DOF menyertai kursus – kursus yang ditawarkan oleh Jabatan / Agensi luar seperti INTAN, Arkib Negara, Jabatan Ketua Pegawai Keselamatan Keselamatan Malaysia (CGSO) dan sebagainya mengikut kuota tertentu, serta melakukan hebahan kepada kakitangan DOF akan kursus-kursus yang ditawarkan oleh agensi-agensi terlibat;

Tindakan : PLKK

ii. PLKK memaklumkan bahawa perancangan dan keperluan latihan boleh disalurkan melalui Pegawai Latihan yang telah dilantik di setiap Bahagian dan pihak PLKK akan mengambil tindakan penyelarasan

Tindakan : Semua Bahagian & PLKK

iii. YBrs. Tuan Pengerusi memohon pihak PLKK untuk melihat bagaimana agensi luar menangani masalah pelaksanaan latihan secara maya seperti yang dilakukan oleh pihak INTAN supaya boleh digunapakai oleh Jabatan.

Tindakan : PLKK

4.5 Penambahbaikan Laluan Kerjaya Bagi Skim Perkhidmatan Sains (C)

i. Dimaklumkan bahawa pihak BKP telah merujuk perkara ini kepada JPA dan dimaklumkan tiada kajian penambahbaikan skim C yang dilaksanakan pada masa ini. Walau bagaimanapun, terdapat opsyen yang boleh dilaksanakan oleh Jabatan seperti berikut:

1) Pindaan perjawatan Skim Minoriti ke Skim Dominan Jabatan yang akan melibatkan tukar lantik berdasarkan PP 6/2016 sekiranya syarat lantikan yang sama. Pegawai akan kekal di bawah Ketua Perkhidmatan yang sama dengan penjumudan skim minoriti yang terlibat dan implikasi kekananan adalah tertakluk kepada penerimaan Ketua Perkhidmatan;

2) Permohonan untuk opsyen tukar Ketua Perkhidmatan berdasarkan PP 6/2010 yang mana perkara ini agak sukar dilakukan kerana melibatkan persetujuan Ketua-ketua Perkhidmatan yang lain. Walau bagaimanapun, kaedah ini dalam masa yang panjang adalah lebih baik memandangkan lebih banyak perjawatan yang ditawarkan di luar Jabatan.

Tindakan: Makluman

ii. Dimaklumkan bahawa Skim C mempunyai beberapa Ketua Perkhidmatan yang berbeza tertakluk kepada bidang-bidang khusus seperti di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Sains, Inovasi dan Teknologi (MOSTI), Agensi Nuklear Malaysia, Jabatan Meteorologi Malaysia, dan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA).

Tindakan: Makluman

iii. Pihak BKP memohon wakil pekerja MBJ dari Skim C untuk tampil ke Ibu Pejabat bagi membincangkan halatuju dan keperluan pegawai yang berkenaan di dalam Skim C.

Tindakan: BKP & Wakil Pekerja

4.6 Penambahbaikan Laluan Kerjaya Bagi Skim Operator Wayarles (N)

i. Pihak BKP memaklumkan bahawa seperti di perkara 4.5, terdapat dua opsyen yang boleh dipertimbangkan bagi skim Operator Wayarles iaitu:

a. Sama ada pindaan perjawatan dan tukar lantik ke skim dominan guna sama (contoh : Pembantu Tadbir) berdasarkan PP 6/2016 dan sekaligus tukar ketua perkhidmatan daripada Ketua Pengarah DOF kepada KPPA yang mana implikasi kekananan adalah tertakluk kepada Ketua Perkhidmatan; atau

b. Pindaan perjawatan ke skim dominan dalam Jabatan (contoh : Pembantu Perikanan), sekaligus tukar lantik ke Pembantu Perikanan dan penjumudan jawatan Operator Wayarles dan pegawai kekal di bawah Ketua Perkhidmatan Ketua Pengarah DOF berdasarkan PP 6/2016. Implikasi kekananan adalah tertakluk kepada penerimaan Ketua Perkhidmatan

Tindakan: Makluman

ii. Wakil skim N telah membentangkan kajian berkenaan Penerimaan Operator Wayarles untuk bertukar ke skim dominan (Skim G) di Jabatan Perikanan Malaysia yang melibatkan seramai 36 orang dari Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Jabatan Laut Malaysia (JLM). Hasil kajian adalah seperti berikut:

a. 33 orang pegawai bersetuju untuk ditukar lantik ke skim dominan Perikanan (G)
b. 3 orang tidak bersetuju ditukar lantik ke skim dominan Perikanan (G).

Tindakan: Makluman

iii. YBrs. Tuan Pengerusi memohon pihak BKP untuk mengeluarkan surat memohon maklum balas dari agensi yang mempunyai perjawatan Operator Wayarles seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Jabatan Laut Malaysia berkenaan keperluan skim, bidang tugas dan pendapat berkenaan penjumudan skim bagi peningkatan kerjaya kakitangan skim Operater Wayarles.

Tindakan: BKP

4.7 Pengisian kekosongan di Bahagian Kejuruteraan

i. Wakil pekerja memohon status pengisian bagi jawatan-jawatan berikut di Bahagian Kejuruteraan:
   a. 2 jawatan Gred G48
   b. 3 jawatan Gred JA29
   c. 2 jawatan Gred G41

Tindakan: Makluman

ii. Pihak BKP memaklumkan sedang menguruskan pemangkuan dua (2) jawatan Pegawai Perikanan Gred G48 di Bahagian Kejuruteraan. YBrs. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa berdasarkan Mesyuarat Penyelarasan Skim Pegawai Perikanan (Jurutera) pada 21 September 2020, Jabatan telah dinasihatkan untuk mewujudkan dokumen Aku Janji / Perakuan yang sedang di deraf oleh pihak pengurusan bagi perakuan Pegawai Perikanan (Jurutera) berkenaan laluan kerjaya di Bahagian Kejuruteraan.

Tindakan: BKP

iii. Keperluan pengisian Penolong Jurutera Gred JA29 telah dimaklumkan kepada agensi pembekal iaitu Jabatan Kerja Raya tapi masih belum dibekalkan oleh agensi berkenaan.

Tindakan: Makluman

iv. Bagi pengisian lantikan baharu Pegawai Perikanan Gred G41 masih di bawah urusan SPA. Walau bagaimanapun, dicadangkan pegawai lantikan baharu yang ditempatkan di Bahagian Kejuruteraan perlu menandatangani Surat Aku Janji / Perakuan bersetuju dengan laluan kerjaya di Bahagian Kejuruteraan.

Tindakan: BKP

5. ISU – ISU DARI WAKIL PEKERJA

5.1 Penambahbaikan Hebahan Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat

i. Wakil MBJ pekerja memaklumkan bahawa hebahan berkenaan keputusan pemangkuan dan kenaikan pangkat adalah tidak menyeluruh di mana ada pegawai yang tidak menerima surat. Oleh yang demikian, wakil MBJ pekerja memohon pihak BKP untuk menghantar hebahan melalui e-mel untuk pemakluman pegawai;

Tindakan: Makluman

ii. YBrs. Tuan Pengerusi memaklumkan amalan sedia ada adalah pemakluman surat pemangkuan / kenaikan pangkat melalui Ketua Jabatan pegawai. Surat berkenaan kemudian perlu disampaikan kepada pegawai berkenaan melalui Bahagian / Pejabat Perikanan Negeri / Pusat masing-masing. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan mengambil maklum cadangan wakil pekerja untuk pemakluman melalui e-mel.

Tindakan: Makluman

5.2 Pertimbangan Gred Ketua Cawangan Taman Laut di Peringkat Negeri di dalam Penstrukturan Semula Jabatan

i. Wakil MBJ memohon pertimbangan pindaan Gred Ketua Cawangan Taman Laut di peringkat negeri kerana terlalu berat ditanggung oleh Pegawai Perikanan Gred G44.

Tindakan: Makluman

ii. YBrs. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa *status quo* struktur Jabatan sedia ada adalah hanya berpaksikan keadaan terkini. Penstrukturan semula Jabatan akan mengambil kira beban kerja setiap cawangan dan Bahagian serta mengembalikan fokus utama kepada *core business* Jabatan.

Tindakan: Makluman

iii. YBrs. Tuan Pengerusi memohon kakitangan Jabatan untuk melihat keperluan penstrukturan semula secara holistik dan bukan sahaja berpandukan keperluan satu-satu Bahagian / Cawangan sahaja, sebaliknya berlandaskan keperluan Jabatan Perikanan Malaysia sebagai satu organisasi yang lebih besar.

Tindakan: Makluman

5.3 Penilaian Tambahan Bagi Urusan Pengambilan / Kenaikan Pangkat Kakitangan di Jabatan

i. Wakil MBJ pekerja memohon pencerahan sekiranya terdapat penilaian tambahan bagi urusan pengambilan dan kenaikan pangkat kakitangan di Jabatan.

Tindakan: Makluman

ii. Pihak BKP memaklumkan bahawa buat masa ini, bagi kenaikan pangkat kumpulan sokongan, masih berpandukan markah LNPT tiga (3) tahun terkini. Bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional pula terdapat penilaian tambahan iaitu Penilaian Potensi yang merangkumi kriteria seperti Kepimpinan, Komunikasi, Pemikiran dan Keupayaan Bertindak. Penilaian ini dilaksanakan dengan konsensus Jawatan Kuasa Kerja *Search Committee* Jabatan.

Tindakan: Makluman

iii. Walau bagaimanapun, sekiranya Jabatan dapat mewujudkan satu sistem *Continuous Evaluation* atau penilaian secara berterusan yang lebih berstruktur bagi kakitangan Jabatan, ini akan banyak membantu ketika urusan pemangkuan / kenaikan pangkat. Sekiranya pada masa hadapan Jabatan ingin memohon penambahbaikan dalam urusan pemangkuan, sekurang-kurangnya telah ada satu struktur penilaian yang komprehensif dapat diangkat kepada Lembaga Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat.

Tindakan: Makluman

iv. YBrs. Tuan Pengerusi meminta pihak PLKK meneliti dan mengkaji sistem penilaian ini kerana unjuran menunjukkan akan ada Pegawai Perikanan yang akan berpencen di Gred G44 sahaja sekiranya tiada penambahbaikan pada sistem / kriteria penilaian yang lebih berstruktur untuk kemajuan kerjaya Pegawai Perikanan.

Tindakan: Makluman

6. PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir dan Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang.

DISEDIAKAN OLEH:

.....	.....
(NUR ILYANI BINTI MD ARIS)	**(SYED YUSUF BIN WAN DRAHMAN)**
Setiausaha Pengurusan	Setiausaha Bersama
Majlis Bersama Jabatan	Majlis Bersama Jabatan
Jabatan Perikanan Malaysia	Jabatan Perikanan Malaysia